

04 OCT 2001

Mahathir-ICT

KURANGNYA PENGGUNAAN ICT OLEH IKS MEMBIMBANGKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kebimbangannya kerana penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kalangan syarikat-syarikat Malaysia adalah kurang, khususnya industri kecil dan sederhana (IKS).

Perdana Menteri mengingatkan yang mereka menghadapi risiko ketinggalan kerana tidak dapat berhubung secara elektronik ke jaringan bekalan global.

Beliau berkata, jika tiada apa-apa dilakukan untuk membetulkan keadaan ia bermakna mereka tidak akan dapat bersaing dengan pengusaha-pengusaha daripada negara-negara yang lebih maju dan akhirnya hilang sama sekali daripada dunia perniagaan.

"Saya dengan serius menyeru para ketua pegawai eksekutif (CEO), khususnya di syarikat-syarikat milik warga Malaysia supaya lebih banyak menggunakan ICT dalam proses perniagaan mereka," kata beliau apabila merasmikan Sidang Kemuncak CEO 2001 di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga menyeru para CEO syarikat-syarikat multinasional dan perbadanan-perbadanan tempatan yang mempunyai sumber untuk melaksanakan e-niaga supaya berkerjasama dengan SME, bank-bank, syarikat-syarikat teknologi, logistik dan telekomunikasi dan juga syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan Internet untuk membawa e-niaga ke aliran utama perniagaan di Malaysia.

Beliau berkata agenda IT Malaysia dan strategi-strateginya tidak akan membawa apa-apa makna jika rakyat sendiri tidak bersedia bertindak dan mereka kini perlu melangkah ke depan untuk merealisasikan hakikat ini.

Perdana Menteri berkata terdapat keperluan segera bagi IKS, yang mewakili 90 peratus daripada syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan untuk menerima pakai dengan cepat medium elektronik yang baru ini dan kembangkan operasi elektronik mereka melampaui aspek pentadbiran dan inventori kepada transaksi sebenar harian.

Dr Mahathir berkata, untuk mendapatkan manfaat daripada e-niaga, ia perlu dilihat sebagai sumber peluang perniagaan dan langkah-langkah wajar perlu diambil untuk mengambil kesempatan daripadanya.

Jika ia tidak dilihat sebagai satu peluang, katanya, ia akan menyebabkan industri-industri Malaysia ketinggalan di pasaran global yang daya saingnya semakin meningkat kerana penggunaan ICT.

"Ingat, tidak lagi boleh bergantung kepada perlindungan kerajaan apabila pasaran dibuka kerana Afta (Kawasan Perdagangan Bebas Asean) dan WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia)," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata pengurangan kos dalam menjalankan perniagaan, urusan dipercepatkan dan tambah nilai melalui penggunaan luas ICT dan juga rantaian bekalan yang dipertingkatkan adalah langkah-langkah logik dan perlu bagi syarikat-syarikat yang mahu terus kekalkan daya saingnya.

Pada sesi dialog selepas itu, Perdana Menteri berkata para CEO dari generasi lama tidak perlu bimbang dengan teknologi baru ini yang penting bagi memajukan perniagaan mereka.

Dr Mahathir berkata adalah penting untuk meyakinkan orang-orang atasan untuk menerima ICT bagi membolehkan mereka menerap budaya baru ini di pertubuhan masing-masing.

Sidang kemuncak sehari itu, bertema "Tindakan Bagi Industri Berpengetahuan dan Berkekalan" dianjurkan bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, MyBiz Malaysia Sdn Bhd dan IBM.

-- BERNAMA

MAM AHH PR